

KTPK 18/4/2.01 Jld. 4 (28)



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

23 Oktober, 1992.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.4 TAHUN 1992 **Penggunaan Pen Mata Bulat dan Dakwat Hitam Kekal**

1. Tujuan

Pekeliling ini adalah bertujuan menerangkan skop penggunaan pen mata bulat dan dakwat hitam kekal di atas dokumen-dokumen rasmi Jabatan.

2. Latarbelakang

- 2.1 Pekeliling KPUP Bil.1/1977 membolehkan penggunaan pen mata bulat untuk mencatatkan dalam buku kerja luar, kertas hitungan, borang tilikan matahari dan untuk menandatangani. Pekeliling ini telah disalah ertikan oleh sesetengah pihak yang mengakibatkan terdapat tandatangan di atas Pelan Akui dibuat dengan pen mata bulat.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Pekeliling KPUP Bil.1/89 hanya menetapkan garisan-garisan sempadan, sambungan dan trabas serta data-data berangka, bearing ke titik penigasadutan dan ofset perlu ditunjuk dengan dakwat hitam kekal di atas pelan akui. Ini juga telah menimbulkan kekeliruan bahawa lain-lain maklumat di atas pelan akui boleh dibuat dengan lain-lain cara termasuk menggunakan pen mata bulat dan cop dengan warna selain dari dakwat warna hitam kekal seperti warna ungu.

3. Penggunaan Pen Mata Bulat dan Dakwat Hitam Kekal

- 3.1 Dengan ini adalah ditetapkan bahawa pen mata bulat sama sekali tidak boleh digunakan bagi menunjukkan apa-apa bentuk maklumat, samada teks atau grafik termasuk tandatangan, di atas pelan akui.
- 3.2 Penggunaan pen mata bulat untuk tujuan mencatat dan menandatangani di

atas buku kerja luar, kertas hitungan, borang tilikan matahari dan sebagainya bolehlah diteruskan.

- 3.3 Semua cop di atas pelan akui, termasuk cop sijil perakuan, hendaklah dibuat dengan dakwat hitam kekal.

4. Penguatkuasaan

Arahan ini hendaklah dikuatkuasakan pada 1 Disember, 1992.

5. Pemansuhan

Pekeliling KPUP Bil.1/77 adalah dengan ini dimansuhkan.

Sekian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia .

Edaran kepada:

Semua Pengarah Ukur Negeri,

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadaster

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadaster

Setiausaha,

Lembaga Juruukur Tanah, Semenanjung Malaysia